

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kerajaan sasar 75,000 suntikan sehari mulai Mac

Bolehkan vaksinasi terhadap 27 juta penduduk selesai paling cepat hujung tahun ini

Oleh Fahmy A Rosli dan Nor Haidya Syafira Amir fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menyasarkan seramai 75,000 orang akan menerima suntikan vaksin dalam tempoh sehari program vaksinasi COVID-19 kebangsaan bermula di 600 pusat vaksinasi seluruh negara mulai Mac ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata 75,000 suntikan sehari adalah sasaran awal kerajaan dan sasaran seterusnya bergantung kepada bekalan supaya 150,000 suntikan sehari boleh dilaksanakan meliputi dos kedua.

"Ini bagi membolehkan vaksinasi terhadap 27 juta orang di selesaikan bersamaan 80 peratus populasi negara ini, pada Mac tahun depan atau paling cepat hujung tahun ini," katanya dalam temu bual dengan portal kesihatan CodeBlue, kelmarin.

Pada 24 November tahun lalu, Malaysia dilapor akan mendapatkan bekalan 12.8 juta dos vaksin COVID-19 daripada syarikat far-

maseutikal Pfizer-BioNTech, bagi menampung keperluan imunisasi 20 peratus atau 6.4 juta rakyat negara ini.

Malaysia memeterai perjanjian dengan fasiliti COVAX untuk memperoleh bekalan vaksin bagi menampung keperluan imunisasi 10 peratus lagi rakyat negara ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada majlis di Johor Disember tahun lalu pula berkata, Malaysia sudah membelanjakan lebih RM2 bilion daripada RM3 bilion yang diperuntukkan bagi membeli 30 peratus vaksin untuk penduduk negara ini.

Kelmarin, Kementerian Kesihatan (KKM) yang mewakili Kerajaan Malaysia menandatangani dokumen 'Terms Sheet' dengan dua syarikat pembekal vaksin iaitu Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd (PLS) dan Duopharma (M) Sdn Bhd bagi perolehan 18.4 juta dos vaksin membatalkan 28.75 peratus daripada populasi rakyat Malaysia.

Syarikat PLS akan membekalkan 12 juta dos COVID-19 CORONAVAC, SARS-COV-2 Vaccine (Vero Cell) Inactivated yang dihasilkan syarikat dari China, Sinovac Life Science Co Ltd.

Pembekalan vaksin itu dijangka dilaksanakan secara berperingkat mulai April ini, manakala Duopharma (M) Sdn Bhd pula akan membekalkan 6.4 juta dos vaksin Sputnik V yang dihasilkan Gamaleya Research Institute of Epidemiology and Microbiology

di Russia mulai penghujung Mac ini.

Khairy berkata, kerajaan juga akan menambah jumlah kakitangan vaksinasi daripada 7,000 kepada 10,000 orang bergantung kepada bilangan kawasan atau tapak vaksinasi.

Selain doktor yang tergolong kakitangan vaksinasi, beliau berkata, ada juga pembantu perubatan, jururawat, penyelia jururawat, pe-lajar perubatan, sukarelawan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut terbabit.

"Kita bukan menggerakkan mereka dalam perkhidmatan kesihatan sahaja, malah komuniti sukarelawan seperti Bulan Sabit Merah, St John Ambulance dan sebarang ramai mungkin terbabit sama," katanya.

Selain itu, beliau juga peka dengan kemungkinan berlaku masalah kelewatan bekalan membabitkan vaksin dibangunkan Pfizer dan AstraZeneca, termasuk dihasilkan firma China serta Russia.

"Portfolio vaksin akan terus diimbangi dan terus disesuaikan supaya kita dapat peroleh jumlah sepatutnya sehingga suku keempat tahun ini.

"Kita mahu berusaha untuk mencapai seramai mungkin pada suku kedua, suku ketiga dan suku keempat. Kita sudah mengenal pasti kira-kira 600 kawasan untuk vaksinasi.

"Selain itu, kita juga mengenal pasti kawasan lain seperti stadium atau tempat yang luas.

Kerajaan akan ubah strategi vaksinasi COVID-19 dengan beri tumpuan terhadap kawasan penularan wabak seperti penjara, pusat tahanan, tempat kerja atau lokasi tertentu.

Khairy Jamaluddin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



"Jika kita pertimbang dalam 75,000 orang sehari, dengan kombinasi 600 tapak (kawasan), tapak KKM termasuk klinik swasta dan hospital swasta ditambah kawasan vaksinasi luas yang saya sedang aturkan, jika berjalan lancar, kita boleh selesaikan paling cepat pada Disember ini," katanya sambil menambah sekiranya pusat berkenaan beroperasi 24 jam.

Khairy berkata, kerajaan turut melakukan pemetaan tapak vaksinasi berdasarkan kepadatan populasi dan jangkaan permintaan serta anggaran jumlah yang boleh menerima suntikan di pusat berkenaan setiap hari, bagi mereka yang tinggal dalam radius 10 kilometer (km).

Dalam tempoh sebulan atau kurang, beliau berharap, akan memperoleh jangkauan memuaskan bila program itu boleh diselesaikan jika ada bekalan.

Katanya, 600 tapak vaksinasi dikenal pasti adalah hospital KKM dan klinik kesihatan; hospital universiti; klinik dan hospital Angkatan Tentera Malaysia (ATM), klinik swasta serta kemudahan kesihatan swasta.

"Perbincangan perlu diadakan pada peringkat kerajaan negeri dengan klinik swasta bagi melihat kapasiti vaksinasi dan lokasi masing-masing. Kadar vaksinasi di klinik swasta, tidak terlalu tinggi.

"Jika warga tua tinggal di kawasan tertentu yang mungkin

jauh dari hospital atau tapak berkenaan, mereka boleh pergi ke klinik swasta.

"Kita sudah senaraikan dalam laman web dan aplikasi MySejahtera yang mana anda boleh buat janji janji temu," katanya.

Sementara itu, Khairy berkata, kerajaan akan mengubah strategi vaksinasi COVID-19 dengan memberi tumpuan terhadap kawasan penularan wabak seperti penjara, pusat tahanan, tempat kerja atau lokasi tertentu.

Beliau berkata, strategi dipanggil *ring vaccination* atau vaksinasi sekitar itu akan dilaksanakan serentak menerusi fasa program vaksinasi kebangsaan yang mengutamakan barisan hadapan, warga emas dan mereka yang menghidap penyakit.

"Jika terdapat lokasi tertentu atau kluster tertentu menunjukkan peningkatan mendadak kes jangkitan, kita akan halakan vaksinasi ke situ.

"Contohnya, jika penjara atau pusat tahanan atau syarikat yang tiba-tiba menunjukkan peningkatan besar (kes jangkitan), pelan vaksinasi atau imunisasi kita diatur menumpukan lokaliti wabak," katanya.

Khairy berkata, strategi vaksinasi sekitar akan dijalankan kerana pekerja asing dan populasi tahanan dikenal pasti sebagai kumpulan mudah terdedah bahaya itu, termasuk tinggal dalam ruang sempit.

7,000 mohon jadi sukarelawan ujian klinikal fasa tiga

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menerima lebih 7,000 permohonan untuk menjadi sukarelawan ujian klinikal fasa ketiga vaksin COVID-19, setakat ini.

Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Dr Kalaiarasu M Periasamy, berkata setiap sukarelawan perlu melalui proses saringan mencakupi penelitian tahap kesihatan dan beberapa kriteria lain.

Menerusi proses itu, katanya, hanya satu daripada tiga hingga enam atau 16.7 peratus hingga 33.3 peratus sukarelawan diterima selepas prasarangan di setiap hospital yang menjalankan percubaan klinikal.

"Antara faktor permohonan su-

karelawan ditolak kerana mereka tidak dapat memberi komitmen sepanjang 13 bulan percubaan ujian klinikal dijalankan dan mempunyai status kesihatan tidak bersesuaian.

"Selain itu, mereka mempunyai sejarah alahan, wanita mengandung, faktor penyusuan susu ibu kepada bayi, tidak memahami prosedur percubaan klinikal dan pernah menderma darah dalam tempoh tiga bulan lalu.

"Kita juga menolak permohonan sekiranya mereka pernah menerima vaksin lain dalam tempoh satu bulan lalu atau merancang untuk menerima vaksin lain dalam tempoh 13 bulan masa percubaan klinikal," katanya kepada BH.



Dr Kalaiarasu M Periasamy

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, pada 16 Januari lalu dilaporkan berkata, kajian klinikal fasa ketiga vaksin COVID-19 akan dijalankan di sembilan hospital menerusi kendalian ICR.

Kajian klinikal pertama terhadap vaksin dibangunkan Institut Biologi Perubatan, Akademi Sains Perubatan Cina (IM-BCAMS) di China itu akan membabitkan 3,000 sukarelawan, sebahagian daripada ujian menyeluruh merangkumi 34,020 peserta di China, Malaysia dan Brazil.

Sukarelawan yang menyatakan persetujuan terhadap ujian klinikal itu akan diberi sama ada vaksin atau plasebo secara rawak bagi menjamin hasil kajian yang bersifat neutral.

Dr Kalaiarasu berkata, kebanyakan sukarelawan daripada individu dewasa pada peringkat usia muda, manakala peratusan lelaki dan perempuan akan diketahui selepas saringan kesia-

tan siap dijalankan.

"Permulaan untuk prasarangan terhadap sukarelawan menghubungkan setiap percubaan klinikal sudah bermula sejak 21 Januari. Kunjungan ke permulaan tapak sedang berlangsung mulai kelmarin hingga hari ini (esok).

"Selepas itu, sukarelawan akan dipelawa menyertai percubaan klinikal dan menjalani pemeriksaan kesihatan selama tiga hari sebelum menerima vaksin.

"Sehingga kini, ICR dan KKM sudah membuat bahan mengenai percubaan klinikal ini melalui media sosial seperti Facebook, LinkedIn serta Twitter. Aktiviti ini akan diteruskan sehingga bilangan sukarelawan mencapai sasaran 3,000 orang," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

PDRM kenal pasti 5 fasiliti pusat tahanan sementara

Kuala Lumpur: Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang mengenal pasti lima fasiliti diperlukan bagi sewaan jangka pendek untuk dijadikan pusat tahanan sementara.

Katanya, urusan penyewaan fasiliti itu akan dilaksanakan secepat mungkin melalui rundingan diketuai Timbalan Pengarah Jabatan Pengurusan (Pentadbiran) Bukit Aman, Datuk Zaini Jass, yang melakukan penilaian kadar sewaan pusat tahanan.

"Aspek keselamatan akan diambil kira termasuk pemasangan kawat berduri di sekitar kawasan sebelum digunakan sepenuhnya. Kita akan mendapatkan bantuan keengganan dari daerah lain sekiranya diperlukan.

"Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) juga akan dikerahkan untuk penugasan di pusat berkenaan jika perlu," katanya.

Kelmarin, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dilaporkan berkata, kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN), Kem Bina Negara dan kemudahan lain bersesuaian akan dijadikan pusat tahanan dan depot tahanan sementara bagi memenjarakan fizikal.

Sementara itu, bekas Presiden Persatuan Pengusaha Kem PLKN, Datuk Seri Ahmad Kamel Ibrahim, berkata bekas kem PLKN boleh diguna pakai dengan sedikit pengubahsuaian dan pembaikan untuk memenuhi keperluan minimum ketiga-tiga agensi penguatkuasaan terbabit.

BERNAMA

506 kena tahan ingkar SOP

Kuala Lumpur: Seramai 506 individu ditahan dalam tempoh 24 jam kelmarin berikutan ingkar prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata daripada jumlah itu, 473 individu dikompaun, manakala 33 lagi direman dengan kesalahan tertinggi membabitkan kegagalan memakai pelitup muka dengan 112 kes.

Beliau berkata, kesalahan lain, premis beroperasi lebih masa dan tanpa kebenaran dengan 84 kes, kesalahan merentas daerah dan negeri tanpa kebenaran (77), tiada penjarakan fizikal (76), gagal menyediakan peralatan merekod butiran pelanggan (66) dan lain-lain kesalahan 91 kes.

Penularan COVID-19

Johor catat kes harian tertinggi

1,069 jangkitan baharu dikesan di selatan tanah air daripada 3,680 keseluruhan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 3,680 kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, menjadikan 194,114 kes positif keseluruhan direkodkan di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, 42,389 kes masih aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19.

Katanya, Johor mencatatkan jumlah kes harian tertinggi semalam dengan 1,069 kes atau 29 peratus.

Daripada jumlah berkenaan sebanyak 961 atau 89.9 peratus adalah daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

Ia diikuti Selangor sebanyak 822 kes atau 22.3 peratus dan Kuala Lumpur sebanyak 698 kes atau 19.0 peratus.

Selain itu 64 kes atau 1.7 peratus berkaitan kluster dalam-lokap, depot tahanan imigresen dan penjara membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan 33 kes, Kluster Tembok Renggam (16), Kluster Damai Pelangi (sembilan), Kluster DTI Sepang (dua), Kluster Tembok Bukit Besi (dua), Kluster Tembok Sungai Udang (satu) dan Penjara Jalan Sungai Jelok (satu).

Bagi kes kematian yang dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata terdapat tujuh kes membabitkan kesemua warganegara berusia antara 55 hingga 84 tahun, menjadikan jumlah kes kematian disebabkan oleh COVID-19 di negara ini sebanyak 707 kes.

"Daripada tujuh kes kematian itu, tiga kes dicatatkan di Selangor, dua di Perak dan masing-masing satu kes di Sabah dan Sarawak," katanya dalam kenyataannya semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, hanya 1,858 kes sembuh dicatatkan, menjadikan 151,018 kes pulih sepenuhnya atau 77.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan pihaknya mengesan 17 kluster baharu dengan 15 daripadanya berpunca dari tempat kerja.

Kluster di tempat kerja yang dikesan ialah Kluster Parit Lanjut (Muar) dengan 547 individu dikesan positif COVID-19 diikuti Kluster Industri Grisek (Tangkak dan Muar) yang sudah menjangkiti 145 individu.

Selain itu Kluster Jalan Trus (Johor Bahru dan Kluang) dengan 10 kes positif, Kluster Jalan Medini (Johor Bahru) dengan 13 kes positif, Kluster Tengah Tiga (Kluang) dengan sembilan kes positif serta Kluster Pengerang Utara (Kota Tinggi) dengan 26 individu dijangkiti.

"Kluster lain ialah Kluster Tapak Bina Persiaran Tecoma (Keppong) dengan 157 positif, Kluster Jalan Darau (Titiwangsa) dengan 11 kes positif, Kluster Jalan Yahya (Titiwangsa) iaitu lapan kes positif serta Kluster Jalan Pudu (Lembah Pantai) iaitu 13 kes positif," katanya.

Turut dikesan kes di tempat kerja ialah Kluster Jalan Mutiara (Petaling) membabitkan saringan ke atas 32 individu dan semuanya positif COVID-19.

"Kluster Tapak Bina Tanjung



Daripada tujuh kes kematian itu, tiga kes dicatatkan di Selangor, dua di Perak dan masing-masing satu kes di Sabah dan Sarawak.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

(Kuala Langat) membabitkan 46 kes positif, Kluster Persiaran Perkilangan (Petaling dan Klang) dengan 19 kes positif, Kluster Jalan Sulaman (Kota Kinabalu) membabitkan 23 kes dan Kluster Jalan Seri (Kinta, Perak) membabitkan 17 kes positif," katanya.

Bagi dua kluster komuniti, Dr Noor Hisham berkata, ia dikenali sebagai Kluster Jalan Pengkalangan (Kinta, Kerian, Kampar di Perak) dan sudah menjangkiti 41 individu.

"Satu lagi kluster ialah Kluster Bedayan (Serian dan Samarahan di Sarawak) iaitu membabitkan beberapa majlis sosial dan kini sudah menjangkiti 13 orang," katanya.

Kajian klinikal Fasa 3 vaksin bermula

Putrajaya: Kajian klinikal Fasa 3 Vaksin Covid-19 yang ditaja oleh Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IMBCAMS) bermula semalam, melalui penghantaran vaksin ke semua tapak percubaan secara berperingkat-peringkat.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu kenyataan, memaklumkan pihaknya memulakan kajian klinikal Fasa 3 Vaksin Covid-19 dengan objektif untuk menilai keselamatan dan keberkesanan vaksin terhadap jangkitan Covid-19.

Pelancaran kajian klinikal Fasa 3 itu disempurnakan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, secara maya dari pejabatnya di sini, tengah hari semalam.

Kenyataan itu menyebut, inisiatif kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan China menerusi IMBCAMS, berperanan menjana bukti saintifik dalam pembangunan vaksin SARS-CoV-2.

"Pelaksanaannya perlu memenuhi piawaian antarabangsa, dasar serta polisi Regulatori Kesihatan negara yang mantap, Amalan Pengilangan Baik (GMP), Amalan Klinikal yang Baik (GCP) dan Deklarasi Helsinki yang akan dipantau secara ketat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara Malaysia (NPRA) serta Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC), KKM.

"Kajian klinikal ini adalah ujian terhadap vaksin SARS-CoV-2 menggunakan platform vaksin ini

Vaksin kajian adalah vaksin SARS-CoV-2 menggunakan platform vaksin tidak aktif yang dibuat daripada virus yang dimatikan menerusi proses fizikal atau kimia.

Kementerian Kesihatan

dak aktif, seperti platform yang digunakan oleh Sinopharm (China), CoronaVac dari Sinovac (China) dan Covaxin dari Bharat Biotech (India)," katanya.

KKM berkata, kajian klinikal Fasa 1 dan 2 yang dijalankan oleh peserta di China merekodkan tindak balas imun signifikan terhadap antigen SARS-CoV-2 serta tidak menunjukkan kesan sampingan yang serius, iaitu tidak melebihi 30 peratus secara keseluruhan bagi tempoh 28 hari selepas imunisasi dilaksanakan.

Pada masa sama, pihak IMBCAMS sudah menjalankan tinjauan lapangan dan fasiliti percubaan klinikal KKM dan buat masa ini semua sembilan hospital KKM bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan kajian klinikal Fasa 3 berkenaan.

Sementara itu, KKM memaklumkan vaksin kajian adalah vaksin SARS-CoV-2 menggunakan platform vaksin tidak aktif yang dibuat daripada virus yang dimatikan menerusi proses fizikal atau kimia serta tidak berpotensi menyebabkan penyakit.

Penggunaan vaksin tidak aktif,

seperti vaksin untuk Hepatitis A, selesema, polio dan rabies, biasanya tidak memberi imuniti yang kuat seperti vaksin hidup justeru ia memerlukan beberapa dos daripada semasa ke semasa untuk membina tindak balas imuniti terhadap penyakit Covid-19.

Menurut maklumat tambahan oleh KKM, vaksin kajian diterima pada 23 Januari lalu manakala peserta pertama dijangka menerima pelatikan bermula pada akhir Januari atau awal Februari ini.

Seperti dilaporkan sebelum ini, 50 peratus daripada 3,000 sukarelawan akan menerima dua dos vaksin tidak aktif sementara separuh lagi akan menerima dua dos placebo iaitu produk kajian yang serupa vaksin kajian tetapi tidak mengandungi antigen SARS-CoV-2.

Semua sukarelawan itu akan diberi dua dos dalam tempoh selang 14 hari pada otot lengan atas dan diwajibkan menghadiri sebanyak enam lawatan dalam masa dua bulan dan disusuli selama 13 bulan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : MINDA PEMBACA

Guna pengalaman PKP lalu putus rantai pandemik

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan bermula 18 Mac 2020 di negara kita dan melalui empat fasa sebelum berakhir pada 12 Mei 2020.

Selepas itu masyarakat dikenakan pula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bergantung situasi COVID-19 semasa, yang mana sampai sekarang belum habis-habis dengan perintah kawalan.

Kini, PKP sekali lagi dikuatkuasakan di seluruh negara kecuali Sarawak memandangkan peningkatan kes positif COVID-19 sehingga melebihi 4,000 kes sehari. Negeri yang dahulunya sifar kes pun sudah meningkat semula.

Mahu tidak mahu, PKP mesti dilaksanakan semula. Walaupun terasa sukar, pandemik ini mesti dihalang supaya tidak terus menjadi masalah dalam jangka masa panjang.

Kesukaran mengadakan PKP terletak kepada reaksi masyarakat negara kita yang dilihat menjejaskan pelbagai sektor termasuk pekerjaan. Ada yang dihentikan kerja, ada yang dipotong gaji dan ramai yang bekerja sendiri tidak dapat mencari rezeki kerana tidak dibenarkan.

Peniaga juga turut terkesan kerana perniagaan terpaksa dihentikan atau masa operasi dihadkan dan pelanggan tidak boleh makan minum di premis.

Oleh itu, kita dapat melihat sedikit perubahan antara PKP yang berlangsung

sekarang dengan PKP pertama dahulu.

Sekarang, sektor ekonomi bergerak semula walaupun ada hadnya. Pekerja kilang bekerja seperti biasa, syarikat juga bergerak seperti biasa tetapi pandai-pandailah majikan mengagihkan pekerja supaya tidak berkumpul dengan ramai dalam satu masa.

Berbeza dengan PKP pertama, jalan raya ibarat 'padang jarak padang tekukur'. Orang takut hendak bergerak ke sana-sini. Kalau boleh, makanan pun biar orang hantar ke rumah atau beras, gula, kopi dan segala rempah-ratus pun kalau boleh biar orang datang longgok depan pintu rumah.

Tegasnya, kesukaran sepanjang PKP pada Mac lalu berbeza dengan PKP se-

karang. PKP memang menjejaskan pelbagai perkara, termasuk ekonomi, pendidikan dan institusi keluarga.

Apabila kesan PKP pertama dahulu dapat dinilai oleh masyarakat, pelbagai kaedah dilakukan orang ramai, apatah lagi bagi yang bekerja sendiri untuk membiayai keluarga.

Ramai beralih ke bidang perniagaan, sama ada di tepi jalan hinggalah menjual produk dari rumah ke rumah, dalam talian dan sebagainya. Maka tidak hairanlah ramai peniaga tumbuh seperti cendawan selepas hujan sekarang.

PKP sebenarnya tidak perlu dilakukan sekiranya prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi orang ramai. Jika semua duduk di rumah, amalkan pen-

jarakan fizikal dan kerap mencuci tangan, pandemik ini boleh ditangani.

Namun, bagaimana hendak duduk diam di rumah sedangkan banyak perkara perlu dibuat untuk menjana pendapatan dan ekonomi. Kerja mesti dibuat, berjumpa orang untuk berurusan dan pelbagai perkara lain yang boleh menyebabkan pandemik ini tetap kekal berada dalam masyarakat.

Dari satu sudut, kita gagal mengendalikan wabak ini kerana kita tidak boleh mengelak rutin harian yang sekian lama diamalkan sebelum pandemik ini.

Kita sudah biasa dengan kenderian-kendara, gotong-royong di sana-sini, ke rumah ibadat beramai-ramai, bermesyuarat pagi petang, bersembang beramai-ramai mengukuh ikatan kejiwaan dan sebagainya.

Tidak hairanlah ketika pandemik ini melanda negara, ada antara kita yang masih mahu mengekalkan kebiasaan itu. Yang muda pula hendak ke sana-sini, malah yang hendak tidur di rumah kawan pun ada.

Tegasnya, selagi ada pergerakan, pandemik ini tetap bergerak jika tidak kena cara gayanya. Kerana itulah kita digalakkan berada di rumah jika tiada keperluan penting.

Sebenarnya kita sudah ada pengalaman dan tidak mustahil kita boleh mempraktikkannya demi kebaikan bersama.



Penjarakan fizikal antara norma baharu dilaksanakan sejak PKP pertama Mac lalu bagi menangani penularan pandemik COVID-19. (Foto hiasan)

M Jasni Majed,
Bekas guru

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Sindiket palsu keputusan saringan COVID-19 tumpas

Dalang lelaki Pakistan ditahan di KLIA ketika mahu pulang ke negara asal

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Selangor: Polis berjaya menumpaskan sindiket pemalsuan dokumen keputusan ujian saringan COVID-19 untuk warga asing yang didalangi lelaki Pakistan.

Ketua Polis Daerah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Asisten Komisyoner Imran Abd Rahman, berkata kegiatan itu terbongkar apabila polis pada mulanya menahan dua lelaki Pakistan di KLIA ketika mereka ingin pulang ke negara asal.

Beliau berkata, dua lelaki masing-masing berusia 28 dan 37 tahun itu ditahan pada 20 Januari selepas didapati mengemukakan dokumen palsu keputusan ujian saringan COVID-19 di kaunter daftar masuk KLIA sebelum menaiki pesawat.

Katanya, polis kemudian mendapat maklumat dan menahan seorang lagi lelaki Pakistan berumur 20-an pada 22 Januari di Telok Gong, Klang, Selangor, yang dipercayai ejen sindiket berkenaan.

"Hasil soal siasat ke atas ejen berkenaan, seorang lagi lelaki Pakistan berusia 42 tahun, juga ejen sindiket itu ditahan kediamannya di Taman Tampoi Indah, Johor Bahru. Soal siasat ke atas dua ejen itu kemudian membawa kepada penahanan seorang lagi lelaki warga negara sama.

"Lelaki terakhir itu berusia 27 tahun ditahan pada 25 Januari di Sri Petaling, Kuala Lumpur dan disyaki menjadi perancang sin-

diket pemalsuan dokumen keputusan ujian COVID-19, dikenali sebagai Geng Habib," katanya.

Bercakap pada sidang media di Bangunan Pentadbiran KLIA (AMC) di sini semalam, beliau berkata, polis turut merampas sejumlah telefon bimbit, komputer

riba, komputer, mesin pencetak, barang kemas dan wang tunai berjumlah RM13,000.

Rampasan lain, katanya, adalah 12 keping dokumen palsu keputusan ujian saringan COVID-19.

"Sindiket itu disyaki beroperasi sejak Ogos tahun lalu dengan menggunakan orang tengah bagi mendapatkan pelanggan dalam kalangan warga Pakistan. Mereka menggunakan pelbagai nama hospital swasta dan makmal dengan bayaran RM300 dikenakan kepada pelanggan.

"Semua suspek ditahan di IPD KLIA untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 465 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata, polis memandang serius kes pemalsuan dokumen keputusan ujian saringan COVID-19 kerana ia membahayakan kesihatan orang ramai dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang melanggar undang-undang.



Sindiket disyaki beroperasi sejak Ogos tahun lalu dengan menggunakan orang tengah bagi dapatkan pelanggan dalam kalangan warga Pakistan.

Imran Abd Rahman,
Ketua Polis Daerah KLIA

PERKESO kesan 16 kes tipu rekod pesakit

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengesan sekurang-kurangnya 16 kes membabitkan seorang doktor wanita di hospital kerajaan di Pulau Pinang, yang disyaki memalsukan dokumen rekod pesakit, tuntutan insurans dan PERKESO.

Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata ia hasil siasatan awal agensi itu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), termasuk mengenal pasti dokumen terbabit bagi membantu siasatan.

"Berdasarkan beberapa dokumen dikemukakan untuk pengesahan, PERKESO mendapati ia diproses untuk pembayaran tuntutan faedah," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Awal minggu ini, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pulau Pinang, Asisten Komisyoner Mohd Rosni Mohd Lazim, memaklumkan polis menyiasat seorang doktor wanita di hospital di negeri itu, disyaki memalsukan dokumen pesakit, tuntutan insurans dan PERKESO.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Sasar 27 juta penduduk dapat 'imun' Covid-19, paling cepat hujung tahun ini

75,000 suntikan vaksin setiap hari

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kira-kira 75,000 rakyat dijangka menerima suntikan vaksin koronavirus setiap hari di 600 pusat vaksinasi di seluruh negara apabila program vaksinasi Covid-19 kebangsaan bermula Mac ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sasaran awal kerajaan adalah 75,000 suntikan vaksin Covid-19 dalam tempoh sehari dan sasaran seterusnya sebanyak 150,000 suntikan sehari meliputi dos kedua.

Menurutnya, kerajaan menjangkakan program vaksinasi terhadap 27 juta penduduk atau 80 peratus populasi negara ini dapat diselesaikan menjelang Mac 2022 atau secepatnya hujung tahun ini.

"Kita mahu berusaha melaksanakan vaksinasi untuk orang ramai sebanyak mungkin pada suku kedua, ketiga dan keempat.

"Kerajaan sudah mengenal pasti 600 tapak (pusat vaksinasi) bagi pelaksanaan program ini. Kita juga sedang mengenal pasti kawasan seperti stadium atau lokasi acara yang luas bagi tujuan itu," katanya dalam wawancara bersama CodeBlue, Isnin lalu.

Khairy Jamaluddin turut yakin bahawa sasaran kerajaan itu mampu dicapai berdasarkan penyediaan fasiliti mencukupi termasuk tempoh operasi pusat vaksinasi selama 24 jam sehari.



KIRA-KIRA 80 peratus populasi rakyat Malaysia bakal menerima suntikan vaksin Covid-19. – GAMBAR HIASAN

"Saya fikir, jika kita pertimbangkan dalam 75,000 orang sehari, dengan kombinasi 600 pusat, ditambah kawasan vaksinasi luas yang saya sedang aturkan, jika rancangan ini berjalan lancar, kita boleh selesaikan paling cepat pada Disember (ini)," ujarnya.

Sebanyak 600 pusat vaksinasi itu antaranya melibatkan hospital kerajaan, hospital swasta, hospital universiti, hospital Angkatan Tentera Malaysia, klinik kesihatan dan klinik swasta.

Khairy Jamaluddin berkata, perbincangan perlu diadakan di peringkat kerajaan negeri dengan klinik swasta bagi melihat kapasiti vaksinasi dan lokasi masing-

masing.

"Kadar vaksinasi di klinik swasta, kita unjurkan tidak akan terlalu tinggi, ini lebih kepada kemudahan kepada golongan tertentu seperti warga emas.

"Jika mereka tinggal di kawasan tertentu yang mungkin jauh dari hospital atau pusat berkenaan, mereka boleh pergi ke klinik swasta dengan merujuk senarai dalam laman web serta aplikasi MySejahtera untuk membuat janji temu," katanya.

Ujar beliau, kerajaan juga akan menanggung kos vaksinasi Covid-19 jika dibuat di klinik swasta supaya orang ramai boleh mendapatkannya secara percuma.

Khairy Jamaluddin turut me-

maklumkan bahawa kerajaan akan menambah jumlah kakitangan vaksinasi daripada 7,000 kepada 10,000 orang, bergantung kepada bilangan pusat vaksinasi.


Selain doktor yang tergolong sebagai petugas vaksinasi, beliau berkata, pembantu perubatan, jururawat, penyelia jururawat, pelajar perubatan, sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan juga akan terbabit sama.

"Kita bukan hanya menggerakkan mereka dalam perkhidmatan kesihatan, malah komuniti sukarelawan seperti Bulan Sabit Merah, St. John Ambulance dan seberapa ramai mungkin untuk turut sama terlibat," jelasnya.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, beliau juga peka dengan kemungkinan berlaku masalah kelewatan perolehan bekalan membabitkan vaksin yang dibangunkan Pfizer dan AstraZeneca selain yang dihasilkan firma China serta Rusia.

"Portfolio vaksin akan terus diimbangi dan disesuaikan supaya kita mampu memperoleh bekalan dalam jumlah sepatutnya sehingga suku keempat tahun ini.

"Dalam tempoh sebulan (selepas program bermula) atau kurang dari itu, kerajaan akan memperoleh jangkakan memuasakan tentang tempoh program vaksinasi ini boleh diselesaikan dengan mengambil kira kesediaan bekalan," katanya.



SUNTIKAN vaksin Covid-19 akan dilakukan di 600 pusat vaksinasi.

Sukarelawan mula disuntik akhir Januari atau awal Februari

PUTRAJAYA – Kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19, SARS-CoV-2 tajaan Institut Biologi Perubatan Akademi Sains Perubatan China (IMBCAMS) yang diterima pada 23 Januari lalu mula dihantar di tapak-tapak percubaan secara berperingkat semalam.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu kenyataan berkata, percubaan kajian klinikal itu akan dilakukan terhadap kumpulan pertama sukarelawan yang dijangka bermula akhir Januari ini atau awal Februari depan.

Menurutnya, sebanyak sembilan hospital di seluruh negara akan terlibat di bawah penyelenggaraan Institut Penyelidikan Klini-

kal (ICR) dengan penglibatan seramai 3,000 sukarelawan yang sihat dan berusia 18 tahun ke atas.

"Sebanyak 50 peratus daripada jumlah sukarelawan itu akan menerima dua dos plasebo iaitu produk yang serupa vaksin kajian, tetapi tidak mengandungi antigen SARS-CoV-2, manakala baki 50 peratus lagi akan menerima dua dos vaksin tidak aktif.

"Penerima vaksin kajian atau plasebo akan diberi dua dos dalam tempoh selang 14 hari pada otot lengan atas dan diwajibkan menghadiri enam lawatan dalam tempoh dua bulan dan disusuli selama 13 bulan," kata KKM semalam.

Mengikut rekod, vaksin tidak aktif biasanya tidak memberi imuniti yang kuat seperti vaksin hidup menyebabkan beberapa dos diperlukan dari semasa ke semasa untuk membina tindak balas imuniti terhadap pandemik Covid-19.

KKM memberitahu, antara contoh vaksin yang menggunakan virus tidak aktif ialah vaksin Hepatitis A, selesema, polio dan rabies.

Katanya, vaksin kajian adalah vaksin SARS-CoV-2 menggunakan platform vaksin tidak aktif yang dibuat daripada virus yang telah dimatikan menerusi proses fizikal atau kimia dan tidak berpotensi menyebabkan penyakit.

"Proses pengambilan sukarelawan masih dibuka untuk memastikan jumlah 3,000 sukarelawan yang dipilih mampu memenuhi syarat dan komitmen selama 13 bulan.

"Lebih 7,000 orang awam telah menghubungi tapak percubaan klinikal dan menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam kajian berkenaan.

"Iklan kajian vaksin ini telah diarkn di media sosial KKM dan ICR pada 15 Januari lalu beserta soalan-soalan lazim," katanya.

Menurut KKM, Malaysia dan China meneruskan kerjasama bagi percubaan klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 itu menerusi

penglibatan pihaknya dengan tajaan IMBCAMS.

Institut itu sebelum ini telah melaksanakan percubaan klinikal fasa 1 dan fasa 2 di China, manakala percubaan fasa 3 yang sama akan dijalankan di Brazil.

"Keputusan kajian fasa 1 dan fasa 2 menunjukkan profil keselamatan vaksin yang signifikan iaitu kadar kesan sampingan tidak melebihi 30 peratus secara keseluruhan selepas 28 hari immunisasi.

"Antara kesan sampingan biasa seperti rasa sakit, kemerahan dan gatal di tempat suntikan, demam, batuk, keletihan, cirit-birit, mual serta reaksi alahan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Johor catat kes harian tertinggi

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI


PUTRAJAYA - Negeri Johor mencatatkan angka kes harian tertinggi sebanyak 1,069 kes atau 29 peratus daripada 3,680 kes baharu positif Covid-19 yang dilaporkan semalam.

Daripada jumlah kes di negeri tersebut, sebanyak 961 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Selangor sebanyak 822 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 698 kes.

Terdapat tujuh kematian baharu dilaporkan di Selangor, Perak, Sarawak dan Sabah melibatkan lima lelaki dan dua wanita berusia antara 55 hingga 84 tahun menjadikan sebanyak 707 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 80 kluster melaporkan pertambahan kes dengan 17 daripadanya kluster baharu melibatkan 15 kluster tempat kerja dan dua kluster komuniti.

Menurutnya, Kluster Parit



ANGGOTA Majlis Bandaraya Johor Bahru menyembur pembasmi kuman sempena Gerak Kerja Operasi Sanitasi Awam Bersepadu antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor dan MJB di Pasar Borong Pandan, Johor Bahru semalam. - RAJA JAAFAR ALI

Lanjut di Muar, Johor dengan 547 kes pekerja kilang yang tinggal di Kampung Parit Lanjut, Bukit Pasir, Muar serta Kluster Industri Grisek di Tangkak dan Muar

dengan 145 kes pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Grisek, Tangkak.

"Kluster Jalan Trus di Johor Bahru dan Kluang dengan kes

indeks saringan kemasukan ke wad dan 10 kes dikenal pasti, manakala kluster ini melibatkan kakitangan pusat pentadbiran awam di Jalan Trus, Johor Bahru.

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
Kes baharu	3,680
Import:	6
Tempatan:	3,674
Pulih	1,858
Kematian	7
Masih dirawat	42,389
Jumlah kes sembuh	151,018
Jumlah Kematian	707
Jumlah kes keseluruhan	194,114

"Kluster Jalan Medini di Johor Bahru dengan kes indeks bergejala dan 13 kes dikesan. Kluster ini melibatkan sebuah syarikat perkhidmatan di Jalan Medini Sentral 5, Nusajaya, Johor Bahru," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Perkeso siasat doktor palsukan dokumen

PETALING JAYA – Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menjalankan siasatan dalaman bagi mengenal pasti unsur penipuan berkaitan seorang pegawai perubatan yang disyaki memalsukan dokumen rekod pesakit.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengenal pasti dokumen-dokumen yang terlibat bagi membantu siasatan.

"Berdasarkan beberapa dokumen yang telah dikemukakan untuk pengesahan, Perkeso mendapati dokumen-dokumen tersebut telah diproses untuk pembayaran tuntutan faedah.

"Hasil siasatan awal juga mendapati sekurang-kurangnya 16 kes dapat dikaitkan dengan pegawai perubatan tersebut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

"Sekiranya terdapat penemuan yang berkaitan, Perkeso akan melaporkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan selanjutnya.

"Memandangkan pihak polis masih menjalankan siasa-



MOHAMMED AZMAN

tan terhadap kes ini, sebarang kenyataan lanjut hanya akan dimaklumkan setelah siasatan selesai," katanya.

Kosmo! pada 25 Januari lalu melaporkan polis sedang menjalankan siasatan berhubung tindakan seorang doktor dari sebuah hospital kerajaan di negeri ini yang disyaki memalsukan dokumen rekod pesakit, tuntutan insurans dan Perkeso tahun lalu.

Laporan polis berhubung itu telah dibuat sebaik pegawai atasan doktor terbabit menerima laporan daripada seorang doktor lelaki lain yang menemui dokumen menggunakan tanda tangan serta cop rasmi miliknya pada 30 Disember tahun lalu.

Pesakit talasemia perlu jadi ejen perubahan didik keluarga

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) menyeru individu yang menghidapi talasemia supaya dapat menjadi ejen perubahan dengan mendidik ahli keluarga terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, perkara itu penting bagi memastikan ahli keluarga terdekat mereka mengetahui kepentingan melakukan ujian saringan dan seterusnya memelihara keturunan mereka.

Beliau berkata, pembawa talasemia sebaiknya memilih bakal pasangan hidup yang tidak membawa baka penyakit itu sekali gus mengurangkan risiko mendapat zuriat yang menghidap penyakit tersebut.

"Sejak sekian lama, KKM sentiasa memberi perhatian terhadap penyakit ini selaras hasrat Persekutuan Talasemia Antarabangsa supaya meningkatkan kefahaman mengenai penyakit ini.

"Talasemia adalah penyakit genetik yang boleh dicegah dan bukan penyakit berjangkit," katanya ketika berucap pada Kempen Kesedaran Talasemia 'Now-YouSeeMe' 2021 dalam talian semalam.

Kempen itu digerakkan hasil kerjasama Repsol Oil & Gas Ma-

ADHAM



laysia Ltd, Kementerian Pendidikan (KPM) dan KKM.

Sementara itu, Adham berkata, Malaysia Talasemia Registry melaporkan seramai 8,681 pesakit didaftarkan setakat 28 November 2018 yang mana, 7,240 pesakit masih hidup dan sedang menerima rawatan, manakala 130 lagi pesakit sembuh dengan rawatan sel stem.

Menurutnya, KKM memperkenalkan saringan talasemia kepada pelajar tingkatan 4 sejak 2016 bagi mengurangkan beban penyakit berkenaan.

"Sejak 2016 hingga 2018, seramai 729,994 ibu bapa telah memberi kebenaran kepada

anak mereka untuk menjalani saringan berkenaan di sekolah membabitkan seramai 689,460 pelajar.

"Daripada jumlah saringan itu, seramai 31,716 pelajar dikesan sebagai pembawa talasemia dan ini bermakna seramai 464 orang dalam 10,000 pelajar tingkatan 4 yang disaring adalah pembawa penyakit itu," katanya.

Dalam pada itu, Adham berkata, beliau difahamkan, kerjasama KKM dan Repsol sudah bermula sejak 2018 khususnya dalam menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit itu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Malaysia uji vaksin Covid-19

Kajian fasa tiga vaksin SARS-CoV-2 dilaksana penghujung Januari

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kajian klinikal fasa tiga vaksin Covid-19, SARS-CoV-2 dijangka dilaksanakan terhadap kumpulan pertama sukarelawan penghujung Januari ini.


Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima vaksin kajian pada 23 Januari lalu.

Dr Adham berkata, sebanyak sembilan hospital terlibat dengan kajian klinikal tersebut melibat Hospital Ampang; Hospital Umum Sarawak; Hospital Pulau Pinang; Hospital Seberang Jaya; Hospital Sultanah Bahiyah; Hospital Raja Permaisuri Bainun; Hospital Taiping; Hospital Sungai Buloh; dan Hospital Sultan Abdul Halim.

"Kajian itu melibatkan 3,000 orang sukarelawan tempatan bagi tempoh 13 bulan.

"Ia akan dihantar ke semua tapak percubaan iaitu sembilan hospital secara berperingkat mulai hari ini (Rabu)," kata Dr Adham selepas mengadakan sesi pertemuan dengan wakil sembilan hospital yang terlibat dengan kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 secara maya di Kementerian Kesihatan di sini pada Rabu.

Menurut Dr Adham, inisiatif yang ditaja oleh Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IM-



Dr Adham (kiri) berinteraksi dengan wakil daripada sembilan hospital yang terlibat dengan kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 secara maya di Kementerian Kesihatan, Putrajaya pada Rabu.

BCAMS) merupakan ujian terhadap vaksin SARS-CoV-2 menggunakan platform vaksin tidak aktif seperti platform yang digunakan oleh Sinopharm (China), CoronaVac dari Sinovac (China) dan Covaxin dari Bharat Biotech (India).

"Sebanyak 50 peratus daripada jumlah sukarelawan akan menerima dua dos vaksin tidak aktif, sementara bakinya akan menerima dua dos plasebo iaitu produk kajian yang serupa vaksin kajian, tetapi tidak mengandungi antigen SARS-CoV-2," katanya.

Beliau memaklumkan, vaksin kajian atau plasebo akan disuntik dalam tempoh selang 14 hari pada otot lengan atas.

"Peserta diwajibkan menghadiri sebanyak enam lawatan dalam masa dua bulan dan disusuli selama 13 bulan," katanya.

Katanya, pada kajian klinikal fasa pertama dan kedua yang telah dijalankan oleh peserta di China merekodkan tindak balas imun yang signifikan terhadap antigen SARS-CoV-2.

"Peserta juga tidak menunjukkan kesan sampingan yang serius iaitu tidak melebihi 30 peratus secara keseluruhan bagi tempoh 28 hari selepas imunisasi dilaksanakan," katanya.

Dr Adham berkata, pelaksanaan ujian vaksin tersebut perlu memenuhi piawai antarabangsa dan dasar serta polisi Regulatori Kesihatan negara yang mantap, Amalan Pengilangan Baik (GMP), Amalan Klinikal yang Baik (GCP) dan Deklarasi Helsinki.

"Ia akan dipantau secara ketat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara Malaysia (NPRA) serta Jawatankuasa

PELAKSANAAN KAJIAN KLINIKAL FASA 3

VAKسين COVID-19

- 7,000 individu tawar diri
- 1,500 individu disuntik dua dos vaksin tidak aktif
- Lagi 1,500 individu disuntik dos plasebo (tiada antigen SARS-CoV-2)
- Untuk tempoh 13 bulan

9 BUAH HOSPITAL TERLIBAT

- Hospital Ampang, Selangor
- Hospital Sungai Buloh, Selangor
- Hospital Umum Sarawak
- Hospital Pulau Pinang
- Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang
- Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah
- Hospital Sultan Abdul Halim, Kedah
- Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak
- Hospital Taiping, Perak

Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC), KKM," katanya.

Dr Adham berkata, iklan kajian vaksin telah disiarkan di media sosial KKM dan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) pada 15 Januari 2021 berserta soalan-soalan lazim.

"Lebih daripada 7,000 orang awam telah menghubungi tapak percubaan klinikal dan menunjukkan minat untuk mengambil bahagian dalam kajian berkenaan.

"Sehingga kini, proses pengambilan sukarelawan masih dibuka untuk memastikan jumlah 3,000 sukarelawan yang dipilih mampu memenuhi syarat dan komitmen selama 13 bulan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



Kes positif masih 4 angka

3,680 kes baharu dengan tujuh kematian akibat Covid-19

KUALA LUMPUR

Sebanyak 3,680 kes baharu Covid-19 direkodkan pada Rabu menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak itu di dalam negara mencecah 194,114 dengan 42,389 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu pada Rabu, 3,674 kes merupakan kes tempatan dan

enam lagi kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Negeri Johor merekodkan kes tertinggi iaitu 1,069 kes diikuti Selangor (822 kes), Kuala Lumpur (698 kes) dan Sabah dengan 295 kes," katanya dalam satu kenyataan mengenai perkembangan situasi Covid-19 di sini.

Dr Noor Hisham berkata, sejumlah 1,858 kes sembuh dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif sembuh daripada Covid-19 sebanyak 151,018 kes.

Menurutnya, tujuh lagi kematian direkodkan hari ini yang kesemuanya melibatkan warga-negara menjadikan jumlah keseluruhan yang meninggal du-

nia akibat pandemik itu setakat ini sebanyak 707, katanya.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak 314 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 122 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Memperincikan lanjut mengenai pecahan kes mengikut negeri, Dr Noor Hisham memberitahu, Perak mencatatkan 181 kes, Negeri Sembilan (112 kes), Pulau Pinang (101 kes), Kedah (76 kes), Sarawak (70 kes), Terengganu (68 kes), Melaka (63 kes), Kelantan (60 kes), Pahang (42 kes), Putrajaya (19 kes), Perlis (tiga kes) dan Labuan (satu kes).

Mengulas lanjut katanya, sejumlah 17 kluster lagi dikesan dengan kluster tempat kerja masih menjadi penyumbang utama iaitu 15 kluster, manakala dua kluster lagi ialah kluster komuniti.

"Kes baharu tertinggi pada hari ini adalah daripada Kluster Parit Lanjut di Johor (521 kes), Kluster Tapak Bina Persiaran Tecoma di Kuala Lumpur (157 kes), dan Kluster Industri Gri-sek juga di Johor dengan 144 kes," katanya.

Katanya, kluster tempat kerja yang lain melibatkan Kluster Jalan Trus, Kluster Jalan Medini, Kluster Tengah Tiga dan Kluster Pengerang Utara yang

kesemuanya di Johor.

Kluster lain yang juga melibatkan tempat kerja ialah Kluster Jalan Danau, Kluster Jalan Yahya, Kluster Jalan Pudu kesemuanya di Kuala Lumpur.



Tiga kluster melibatkan tempat kerja juga muncul di Selangor iaitu Kluster Jalan Mutiara Selangor, Kluster Tapak Bina Tanjung dan Kluster Persiaran Perkilangan, manakala satu kluster dikesan di Sabah iaitu Kluster Sulaman serta Kluster Jalan Seri di Perak.

Dua kluster yang melibatkan komuniti pula ialah Kluster Bendayan di Sarawak dan Kluster Jalan Pengkalan di Perak. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM


*Dikemas kini pada Jam 12 tengah hari 27 Januari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURAHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
194,114	151,018	314	707	+3,680



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Ketepatan RT-PCR lebih terjamin, libat kos sampingan punca mahal

SHAH ALAM -

Teknik Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) bagi tujuan diagnosis Covid-19 dikenakan pada harga yang tinggi kerana teknik itu perlu melalui proses menyeluruh selain melibatkan kos-kos sampingan.

Bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon berkata, berbanding kit ujian Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag), teknik itu melalui proses cepat dan ketepatan ujian itu hanya sekitar 80 hingga 90 peratus.

“Kos RT-PCR lebih mahal kerana ia merangkumi kos makmal, sut perlindungan, caj perkhidmatan serta kos sampingan seperti logistik.

“Maka kesemua kos itu menyebabkan harga ujian RT-PCR lebih mahal iaitu bagi setiap calitan ada yang dicaj sehingga lebih RM300.

“Ujian RT-PCR juga mengambil masa lebih lama dan ketepatannya terjamin berbanding keputusan RTK-AG yang hanya ketepatannya 80 hingga 90 peratus walau ia boleh diperoleh dalam masa cepat,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Dr Rohaizat berkata, sekiranya seseorang itu tidak ter-



DR ROHAIZAT

dedah dengan kontak rapat positif Covid-19, memadai individu itu hanya menjalani ujian RTK-AG kerana risiko untuk dijangkiti adalah kurang.

“Namun apabila kebarangkalian tinggi dan individu itu terdedah

dengan kontak positif, maka individu itu disarankan membuat ujian RT-PCR bagi mendapatkan keputusan yang lebih tepat.

“Ini memandangkan melalui ujian RT-PCR sampel ujian akan dihantar ke makmal dan menjalani ujian yang lebih teliti sebelum mendapat keputusan terperinci. Individu itu wajib kuarantinkan dirinya sendiri sehingga mendapat keputusan ujian calitan,” katanya.

Menyokong penjelasan Dr Rohaizat, Pakar Mikrobiologi Klinikal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Nurul Azmawati Mohamad menambah, ujian RT-PCR lebih rumit dan memerlukan peralatan serta barangan yang kosnya lebih mahal.

“Namun ujian RTK-AG lebih murah memandangkan peralatan yang digunakan tidak melibatkan kos yang tinggi selain keputusan ujiannya lebih pantas diperolehi,” ujar beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL



Daripada 729,994 pelajar Tingkatan Empat yang disaring sejak tahun 2016

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Seramai 31,716 pelajar daripada 729,994 pelajar Tingkatan Empat yang disaring sejak tahun 2016 dikesan sebagai pembawa talasemia.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, jumlah itu membawa maksud seramai 464 orang dalam 10,000 pelajar Tingkatan Empat yang disaring adalah pembawa talasemia.

"Ia bersamaan lima peratus atau nisbah seorang dalam setiap 20 orang yang disaring," katanya pada pelancaran Kempen Kesedaran Talasemia 'nowyouseeme' 2021.

Majlis yang diadakan secara maya itu turut disertai Timbalan Menteri Pendidikan I, Muslimin Yahya dan Pengarah Repsol Malaysia, Pablo Ortola Martinez.

Dr Adham berkata, disebabkan kos rawatan talasemia adalah tinggi, maka usaha pencegahan mesti dilaksanakan bagi memastikan bilangan pesakit talasemia baharu berkurangan.


Menurutnya, bagi mengurangkan beban penyakit talasemia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan saringan talasemia pelajar Tingkatan Empat sejak tahun 2016 di sekolah dan Malaysia Thalassaemia Registry melaporkan sehingga 28 November 2018,

31,716 pelajar pembawa talasemia

5% PELAJAR TINGKATAN 4 PEMBAWA TALAEMIA

APA ITU TALAEMIA?

Penyakit baka/keturunan yang menjadi punca kepada pembentukan sel darah merah yang tidak normal dengan jangka hayat yang pendek



BERDASARKAN SARINGAN 2016-2018

Melibatkan

689,460

pelajar (berumur 16 tahun)

31,716

dikesan sebagai pembawa talasemia

86.2%

Ibu bapa membicarakan menjalani ujian saringan

MALAYSIA THALASSAEMIA REGISTRY

- 8,681 pesakit direkodkan setakat 28 Nov 2019
- 7,240 sedang menerima rawatan
- 130 sembuh dengan rawatan sel stem

GEJALA

-  Kekurangan darah (anemia) antara usia 3 - 18 bulan
-  Pucat/lemah/resah
-  Tumbuhan terbantut
-  Kesukaran bernafas
-  Bengkak abdomen disebabkan pembesaran hati & limpa
-  Pembesaran tengkorak, tulang pipi & rahang

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia & Kementerian Pendidikan Malaysia

Diterbitkan: 27 Jan 2021
telegrafik Bernama

seramai 8,681 pesakit telah didaftarkan.

"Seramai 7,240 pesakit sedang menerima rawatan, manakala 130 pesakit telah sembuh dengan rawatan sel stem," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pesakit talasemia juga diminta memainkan peranan sebagai ejen perubahan dengan mendidik ahli keluarga terdekat mengenai kepentingan menjalani ujian saringan

dan seterusnya memelihara keturunan mereka.

"Bagi mereka yang telah disahkan sebagai pembawa talasemia, sebaik-baiknya pilihlah bakal pasangan hidup dalam kalangan mereka yang tidak membawa baka penyakit ini bagi mengurangkan risiko mendapat zuriat yang menghidap talasemia.

"Sudah tiba masa untuk pesakit talasemia menyatakan sejarah kesihatan kepada ba-

kal pasangan hidup. Jadilah masyarakat yang mempunyai kesedaran kesihatan yang tinggi supaya anda mampu untuk membuat *informed choice*," katanya.

Kempen Talasemia 'nowyouseeme' 2021 yang dijalankan sepanjang tahun adalah usaha bersama KKM, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Repsol.

Kerjasama yang bermula sejak 2018 itu bertujuan menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran orang awam serta murid tentang penyakit talasemia serta kepentingan mengetahui status masing-masing.

Sementara itu, Muslimin berkata, anggaran seramai 373, 650 enrolmen murid Tingkatan Empat akan terlibat dengan saringan talasemia pada tahun ini.

Pada sidang akhbar, KKM yang diwakili oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Kesihatan Sekolah, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Dr Don Ismail Mohamed berkata, saringan dilakukan terhadap pelajar Tingkatan Empat mengambil kira beberapa faktor.

"Antaranya pelajar tidak mempunyai komitmen peperiksaan besar, selain kajian klinikal patalogi mendapati parameter bacaan darah individu berusia 16 tahun sama dengan orang dewasa dan ia boleh dihidapi oleh pelbagai peringkat umur," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

MEMERANGI WABAK COVID-19

Sinar
untuk
Malaysia

Buang stigma negatif terhadap vaksin

PFM mahu masyarakat terima maklumat tepat mengenai vaksin Covid-19

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID

SHAH ALAM

Persatuan Farmasi Malaysia (PFM) menyarankan kerajaan mengadakan kempen kesedaran kepada rakyat di negara ini yang akan menerima vaksin Covid-19 pada penghujung Februari depan.

Presidennya, Amrahi Buang berkata, kempen tersebut boleh diadakan menerusi komuniti yang sedia ada.

"Kita mempunyai persatuan rukun tetangga atau kariah masjid. Mereka itu ada ketuanya.

"Kita mesti memperkasakan mereka dengan memberi maklumat tepat mengenai pemberian vaksin," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Terdahulu, media melaporkan bahawa kajian klinikal fasa tiga vaksin Covid-19, SARS-CoV-2 dijangka dilaksanakan terhadap kumpulan pertama



FOTO: REUTERS

Perlu ada satu strategi bagaimana mahu menguruskan individu yang berasa sangsi untuk mengambil vaksin Covid-19.

sukarelawan penghujung Januari ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkata, pihaknya telah menerima vaksin kajian pada 23 Januari lalu.

Pada 11 Januari lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Malaysia dijangka menerima bekalan vaksin Pfizer untuk fasa pertama pada hujung Februari ini.

Amrahi berkata, perlu ada satu strategi bagaimana mahu menguruskan individu yang berasa sangsi untuk mengambil vaksin berkenaan.

"Apa sebabnya dia tidak mahu ambil. Benda macam itu



AMRAHI

kita boleh buat macam-macam untuk mengetahui sebab. Seperti membuat undian," katanya.

Jelasnya, semua pihak seharusnya bersedia untuk menerima vaksin.

"Kita hendak berjuta orang mengambil vaksin itu," katanya.

Amrahi turut mencadangkan agar diadakan rakan strategik antara pihaknya bersama *Sinar Harian* bagi menyebarkan maklumat mengenai vaksin.

"Majoriti rakyat Malaysia ini ialah orang Islam dan kita hendak mencapai mereka serta sampai mesej kepada mereka," katanya.

Malaysia-Australia bekerjasama tangani impak Covid-19

KUALA LUMPUR - Malaysia dan Australia bersetuju mengambil beberapa langkah berkesanan menangani dan mengurangkan impak negatif penularan pandemik Covid-19.

Antara langkah dicadangkan ialah menjalankan kerjasama dalam program vaksinasi Covid-19, memastikan pasaran kekal terbuka dan rantaian bekalan global.

Ia sebagai menyokong usaha pemulihan ekonomi dan kehidupan masyarakat serta kerjasama dalam pengurusan rentas sempadan.

Perkara tersebut dipersetujui Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan rakan sejawatnya dari Australia, Scott John Morrison dalam mesyuarat tahunan pertama mereka yang diadakan melalui persidangan video pada Rabu.

Pejabat Perdana Menteri, dalam kenyataan, memaklumkan kedua-dua pemimpin itu bersetuju menggariskan inisiatif kukuh bagi menjayakan

Pelan Tindakan sebagai Rakan Kerjasama Komprehensif-Strategik (CSP) di bawah tiga elemen utama.

Elemen tersebut ialah Kesejahteraan Ekonomi; Masyarakat dan Teknologi serta Kerjasama Pertahanan dan Keselamatan Serantau.

Katanya, CSP turut memberi peluang kepada kedua-dua negara itu menjalin kolaborasi dalam pelbagai bidang baharu antaranya, ekonomi digital; pertanian dan sekuriti makanan; pengurusan bencana dan kesihatan awam; kesihatan mental; sains, teknologi dan inovasi (STI); alam sekitar dan pemerikasaan belia.

"CSP membolehkan kedua-dua negara meneroka landskap kerjasama baharu sekali gus bergerak maju ke hadapan.

"Malaysia dan Australia merupakan rakan kerjasama yang akrab. Hubungan dua negara ini telah terjalin sebelum kemerdekaan Malaysia," katanya. - Bernama



Muhyiddin menunjukkan dokumen ketika Mesyuarat Rakan Kerjasama Komprehensif Strategik Malaysia-Australia secara persidangan video bersama Morrison di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada Rabu.

Vaksin lepsi fasa ketiga diyakini selamat

SHAH ALAM - Pakar virologi negara menegaskan vaksin Covid-19 yang mendapat kebenaran daripada badan berkaitan untuk diedarkan kepada masyarakat awam adalah selamat untuk digunakan.

Pakar virologi dari Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Dr Yahya Mat Arip berkata, ia kerana kesemua vaksin yang mendapat kelulusan telahpun melalui kesemua proses keselamatan yang membolehkan ia digunakan.

"Dalam proses pembangunan vaksin, ia akan melalui tiga fasa iaitu fasa pertama, fasa kedua dan fasa ketiga. Jadi berkenaan keselamatan dan keberkesanan vaksin itu, ia memang dipantau bermula daripada fasa dua.

"Sekiranya di fasa kedua, vaksin itu menunjukkan kesan sampingan yang tinggi, ia tidak akan dibenarkan untuk melalui fasa ketiga dan untuk diedarkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata, kesemua vaksin yang selamat digunakan oleh orang awam telah melepasi ketiga-tiga fasa dalam proses pembangunan vaksin itu.

"Saya ambil contoh antaranya seperti Pfizer dan Moderna, ia telahpun melalui ketiga-tiga fasa ini. Kalau iktukan, Pfizer telah melalui fasa tiga kepada lebih daripada 40,000 orang.

"Data itu semua sudah ada. Sebab itu ia diberi kelulusan kecemasan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara

(NPRA)," katanya.

Mengulas mengenai beberapa kes kematian yang didakwa berlaku akibat pengambilan vaksin Covid-19, Yahya berkata, kejadian tersebut masih belum terbukti.

Katanya, terdapat kemungkinan bahawa kematian terpencil yang berlaku itu disebabkan keadaan kesihatan mangsa yang sudah terjejas dan diburukkan lagi kesan sampingan akibat vaksin.

"Tidak semua orang boleh terima, jadi itu perlu difahami. Jadi kalau kita berada dalam kumpulan yang berisiko tinggi untuk mendapat kesan sampingan yang teruk mungkin kita tidak sesuai untuk menerima vaksin tersebut," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

WORKPLACE COVID-19 INFECTION

D-G: JOHOR HAS MOST NEW CASES

Six of the 17 new clusters are from the state; Parit Lanjut cluster has highest number

ADIB POVERA
AND HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry yesterday reported the highest number of new clusters, with a majority linked to the workplace.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said only two of the 17 clusters were community clusters. Johor reported the most number with six, which were all workplace related.

The clusters were detected in Muar, Tangkak, Johor Baru, Kluang and Kota Tinggi.

Among all clusters reported nationwide yesterday, the Parit Lanjut cluster recorded the highest number of cases at 547.

"The cases in this cluster were reported to be positive on Jan 23 after targeted screening of factory workers who live in Kampung Parit Lanjut in Bukit Pasir, Muar.

"Up to Jan 27, 1,451 individuals have been screened with 547 testing positive," Dr Noor Hisham said in a statement.

The Industri Grisek cluster was also detected after targeted screening of factory workers at the Grisek Industrial Estate in Tangkak. To date, 145 out of 537 people screened had tested positive.

Other clusters in Johor were the Jalan Trus cluster (10 cases) Jalan Medini cluster (13), Tengah Tiga cluster (nine), and the Pengerang Utara cluster (26).

Another cluster that recorded three-digit cases was the Persiaran Tecoma Construction Site cluster, detected in Kepong, Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham said 157 cases linked to this cluster had been reported to date, after screening 376 people.

"The cases in this cluster came back positive on Jan 27, after targeted screening at a construction site in Persiaran Tecoma, Country Heights in Kepong."

Three other clusters were also identified in Kuala Lumpur, namely the Jalan Yahya (eight cases) and Jalan Danau (11) clusters, both in Titiwangsa; and the Jalan Pudu cluster (13) in Lembah Pantai.

In Selangor, Dr Noor Hisham said the Jalan Mutiara cluster in Petaling involved a security guard pre-employment screening centre in Mutiara Damansara.

He said all 32 people who were screened there had tested positive for Covid-19.

The Tanjung Construction Site cluster reported 46 cases, he said, after targeted screening at a construction site in Mukim Tanjung 12, Dengkil, in Kuala Langat was carried out.

Another workplace cluster was reported in Petaling and Klang in Selangor, dubbed the Persiaran Perkilangan cluster.

Dr Noor Hisham said the cases tested positive starting Jan 18, after screening in a factory in Shah Alam.

Nineteen out of 2,121 individuals were reported to be positive.

In Sabah, the Jalan Sulaman cluster was detected after screening of a symptomatic individual, who was a worker at a supermarket in Sulaman Sentral in Kota Kinabalu.

Out of 111 people screened, 23 had tested positive, Dr Noor Hisham said.

Perak reported two new clusters yesterday, with the Jalan Seri cluster reporting 17 cases out of the 24 people screened.

He said the index case of this cluster had an influenza-like illness, and tested positive on Jan 23.

"This cluster was linked to an employee of a public administration centre at Jalan Dato Seri Ahmad Said, Ipoh."

The other cluster in Perak, he added, was a community cluster reported in Kinta, Kerian and Kampar.

Dr Noor Hisham said this cluster, the Jalan Pengkalan cluster, had 41 positive cases to date.



"The index case of this cluster was reported to be positive for Covid-19 on Jan 23, after screening before the patient was supposed to return to his home country," he said.

One cluster was also reported in Sarawak, involving Serian and Samarahan districts with 13 positive cases.

He said the cluster was linked to several social gatherings held at Kampung Bedega and Kampung Antayan in Serian.

Up to noon yesterday, the number of daily Covid-19 cases continue to be in the four digits at 3,680.

Dr Noor Hisham said all but six new infections were local transmissions.

This brought the cumulative cases to 194,114, with 42,389 active cases.

Johor has the most new cases, with 1,069. It was also the only state that recorded four-digit numbers. Selangor logged 822 cases, followed by Kuala Lumpur with 698.

Dr Noor Hisham also said seven deaths were reported yesterday, raising the total to 707.

Three deaths were reported in Selangor, two in Perak and one each in Sabah and Sarawak, all Malaysians.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation (As at 7pm Jan 27, 2021)		Malaysia										New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered																
												3,680	194,114	707 (+7)	151,018 (+1,858)																
Perlis	+3	Kedah	+76	Penang	+101	Perak	+181	Selangor	+822	Kelantan	+60	Terengganu	+68	Pahang	+42	N.Sembilan	+112	Melaka	+63	Johor	+1,069	Sabah	+295	Sarawak	+70	FT K. Lumpur	+698	FT Putrajaya	+19	FT Labuan	+1
Asean+		Indonesia	Philippines	Japan	Myanmar	China	S. Korea	Singapore	Thailand	Vietnam	Cambodia	Brunei	Laos																		
Confirmed cases		1,024,298	518,407	368,143	138,368	89,272	76,429	59,391	15,465	1,551	460	176	44																		
Deaths		28,855	10,481	5,158	3,082	4,636	1,378	29	76	35	0	3	0																		
Recovered		831,330	475,542	301,540	122,781	82,774	65,478	59,086	11,054	1,430	412	169	41																		
Global Top 10		US	India	Brazil	Russia	UK	France	Spain	Italy	Turkey	Germany																				
Confirmed cases		26,011,222	10,690,279	8,936,590	3,774,672	3,689,746	3,079,943	2,733,729	2,485,956	2,442,350	1,163,113																				
Deaths		435,452	153,751	218,918	71,076	100,162	74,106	56,799	86,422	25,344	54,390																				
Recovered		15,767,413	10,359,305	7,798,655	3,202,483	1,662,484	219,152	N/A	1,917,117	2,322,511	1,866,000																				

'A historic point in virus fight'

Adham Baba: First-ever vaccine trial study crucial to health science

By JOSEPH KAOS Jr
joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia's first-ever Covid-19 vaccine trial has kicked off in nine of the country's hospitals, with 3,000 volunteers taking part in the national study.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba described the Phase 3 clinical trial, which is sponsored by China's Institute of Medical Biology Chinese Academy of Medical Sciences (IMBCAMS) as "historic".

"This Phase 3 clinical trial marks a historic moment for Malaysia and it means a lot to the country, particularly in the field of health."

"This development is also very important to scientists and medical officers involved."

"On top of that, IMBCAMS has also expressed their satisfaction with the readiness level of our ministry's facilities in implementing this initiative," said Dr Adham.

The clinical trial was officially launched by Dr Adham in a virtual ceremony that was also attended by Health Ministry officials as well as those representing IMBCAMS.

They included deputy director-general of health (research and technical support) Dr Hishamshah Mohd Ibrahim, Institute of Clinical Research (ICR) director Dr Kalaiarasu M. Periasamy and IMBCAMS research and development division director Dr Che Yanchun.

The trial is a collaboration between the governments of Malaysia and China through IMBCAMS.

Before this, the institute had carried out Phase 1 and 2 trials in China. The same Phase 3 trials will also be carried out in Brazil.

The Phase 3 trial in Malaysia will



Research matters: Dr Adham speaking during an online conference with representatives from hospitals involved in Phase 3 of the Covid-19 vaccine trial. — Bernama

be overseen by the ICR and involves 3,000 healthy local volunteers above the age of 18, for a period of 13 months.

Half of the volunteers will receive two doses of inactivated vaccines, while the remaining half will get two doses of a placebo - which will resemble the vaccine but does not contain the SARS-CoV-2 antigen.

The participants will be given two doses on their upper arm in a 14-day interval.

They are then required to undergo six visitations in two months and a follow-up 13 months later.

The ministry said it had received 7,000 calls from members of the public who were interested to take part in the trial.

"Recruitment ads were published in the ministry's and ICR's social media platforms since Jan 15. Volunteer recruitment is still open.

"This is to ensure that the 3,000 volunteers chosen are those who fulfil the requirements and can commit themselves for 13 months," the ministry said.

The Phase 3 clinical trial received the ministry's approval on Dec 14 through the Medical Review and Ethics Committee (MREC), as well as the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) on Jan 8.

The research vaccines arrived on Jan 23 and have begun delivery to participating hospitals.

The ministry said the first batch of volunteers can expect to receive their first vaccine shots by the end of this month.

The hospitals involved in the clinical trial are Hospital Ampang, the Sarawak General Hospital, Penang hospital, Hospital Seberang Jaya, Hospital Taiping, Hospital Sungai Buloh, Hospital Sultanah Bahiyah

in Alor Setar, Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh and Hospital Sultan Abdul Halim in Sungai Petani.

Under Malaysia's Covid-19 vaccination plan, the country is expected to start its vaccine rollout in March.

The first batch of vaccines that will arrive in Malaysia is developed by American firm Pfizer and German company BioNTech, and can cover 12.5 million Malaysians.

At the same time, the country is in the midst of negotiating deals with other companies like China's Sinovac and the United Kingdom's AstraZeneca-Oxford.

Malaysia aims to vaccinate 500,000 frontliners in March, followed by about 6.5 million elderly and sick people in May.

In August, the country hopes to vaccinate 16 million Malaysians aged 18 and above.

DG: Record number of patients needing critical care

PUTRAJAYA: The number of critical Covid-19 patients in Malaysia reached a new high with a record number of 315 people placed in intensive care, says the Health Ministry.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there are now 122 Covid-19 patients who require ventilator support.

On the previous day, the number of patients in intensive care units was 280, with 111 on ventilators.

In his daily update, he said there were 3,680 new Covid-19 cases, taking the cumulative total to 194,114.

The country also discharged 1,858 patients, bringing the number of Covid-19 recoveries up to 151,018.

Seven Malaysians, aged between 55 and 84, succumbed yesterday.

Dr Noor Hisham said three of the deaths were in Selangor (Shah Alam, Sungai Buloh and Klang), two in Perak, and one each in Sarawak and Sabah.

The deceased were mostly sufferers of comorbidities such as diabetes, high blood pressure and chronic kidney disease.

Malaysia's Covid-19 death toll is now 707. The number of active Covid-19 cases in the country has gone up to 42,389.

Yesterday, Johor was the state that recorded the highest number of new cases at 1,069, followed by Selangor (822 cases), Kuala Lumpur (698), and Sabah (295).

"Most of the cases were uncovered from infection clusters and active contact tracing activities," said Dr Noor Hisham.

There were 17 new clusters identified yesterday by the Health Ministry, 15 of which were at workplaces, while the remaining two were community outbreaks.

The Parit Lanjut cluster in Muar, which is linked to a factory there, has 547 cases.

He said the cases were uncovered from a targeted screening exercise on factory employees who live at workers' hostels around Kampung Parit Lanjut in Bukit Pasir, Muar.

"A total of 1,451 individuals were screened since Jan 23 and 547 of them tested positive," he said.

A new cluster found in Sarawak is linked to several social events in Kampung Bedega and Kampung Antayan in the Serian district.

Dubbed the Bedega cluster, it was traced to a 34-year-old man who tested positive on Jan 20, said Dr Noor Hisham.

A screening of 112 individuals uncovered 13 positive cases, he added.

He also said there are now 366 active clusters nationwide.